

AL-HIKMAH

Jilid 15 ISSN 1985-6822 2023
No. 1 1444

- ANALISIS KANDUNGAN TERHADAP HASHTAG INSTAGRAM NGO ISLAM MALAYSIA DALAM MENGHADAPI COVID-19 ... 3-13
Muhamad Faisal Ashaari & Noor Hidayah Kassim
- DASAR PERLINDUNGAN TERHADAP MANGSA PEDOFILIA MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA DAN PENGAWALANNYA MELALUI PROGRAM PENCEGAHAN ... 14-28
Mardziyah Binti Abdul Manaf
- GANGGUAN KESIHATAN MENTAL BERKAITAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DAN KAEDAH MENGATASI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM ... 29-46
Norhayati Mazizi & Salasiah Hanin Hamjah
- GEJALA ATEIS MELAYU DAN HUBUNGANNYA DENGAN LIBERALISME ... 47-65
Nurul Syahiidah binti Fuad, Nozira binti Salleh & Indriaty binti Ismail
- PERSEPSI URUSETIA TERHADAP MAKNYAH DALAM KEM IBADAH ... 66-77
Irwan Mohd Subri, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Andi Mohamad Zulfauzan Muhamad & Muhamad Nasiruddin Asman
- PERANAN PROGRAM KEAGAMAAN TERHADAP KEBIMBANGAN DAN KEMURUNGAN DALAM KALANGAN BANDUAN WANITA ... 78-103
Siti Jamiaah Abdul Jalil, Rozmi Ismail, Yusmini Md Yusoff, Fariza Md. Sham, & Juwairiah Hassan

Al-Hikmah 15(1) 2023: 47-65

Gejala Ateis Melayu dan Hubungannya dengan Liberalisme

Atheism and its Relationship with Liberalism

NURUL SYAHIDAH BINTI FUAD, NOZIRA BINTI SALLEH &
INDRIATY BINTI ISMAIL

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasminya, namun agama lain juga bebas untuk dianuti oleh setiap masyarakat pelbagai bangsa. Ia terangkum dengan jelas dalam Perlembagaan Negara. Namun sejak kebelakangan ini, Malaysia dilanda oleh pelbagai gejala yang menggugat akidah umat Islam dan perlembagaan Malaysia itu sendiri. Antara gejala tersebut ialah ateisme. Ateisme merupakan satu kepercayaan yang menolak kewujudan tuhan kerana ia dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran liberal yang telah menyerap masuk ke dalam masyarakat Islam. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji mengenai ateis Melayu dan hubungkaitnya dengan pengaruh ideologi liberal. Kajian ini berbentuk kepustakaan dengan meneliti buku-buku, surat khabar, jurnal dan laman sesawang yang relevan dengan topik yang dibincangkan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang erat antara perkembangan ateis dengan penyebaran ideologi liberal yang mengakibatkan munculnya gejala ateis Melayu di Malaysia.

Kata kunci: *Ateis, Melayu, Agama, Liberal, Malaysia*

ABSTRACT

Malaysia is a country that embraces Islam as its official religion, but it is also free to be adopted by every multicultural society. It is explicitly included in the National Constitution. But lately, Malaysia has been plagued by various symptoms that are affecting the faith of Muslims and the constitution of Malaysia itself. Among these symptoms is atheism. Atheism is a belief that denies the existence of God because it is influenced by liberal ideas that have been absorbed into the Muslim community. Thus, this study was conducted to evaluate the Malay atheist and its relationship with the influence of liberal ideology. This is library research done by examining books, newspapers, journals and websites relevant to the topic being discussed. The finding shows that there is a close relationship between the development of atheism and the dissemination of liberal ideology, which led to the appearance of atheist Malay in Malaysia.

Keywords: Atheis, Malay, Religion, Liberal, Malaysia

Received : 25 June 2020
Accepted : 20 Jun 2023

Revised : 22 March 2022
Published : 30 June 2023

PENDAHULUAN

Ateisme merupakan satu fahaman falsafah atau aliran pemikiran yang menolak kewujudan tuhan. Ateisme juga mempunyai pelbagai bentuk aliran yang telah dikembangkan oleh ahli-ahli falsafah terdahulu seperti John Locke (1632-1704), Karl Marx (1818-1883), Friedrich Nietzsche (1844-1900) dan sebagainya. Dalam persoalan mengenai ateisme, ia mempertikaikan sejauh mana seseorang itu harus mempercayai keberadaan tuhan untuk dianggap sebagai seorang ateis. Ini bermakna, ateis muncul hasil daripada individu dan kelompok tertentu yang tidak bersedia untuk mengikuti agama-agama yang telah ada dengan alasan yang pelbagai dan subjektif. Oleh itu, terdapat juga yang menggelarkan ateis sebagai orang yang mencari tuhan (Djokosantoso 2004). Golongan ateis terbahagi kepada beberapa kumpulan. Antaranya ialah ateis terbuka atau juga dikenali sebagai New Atheist yang kebanyakannya terdiri daripada para penulis buku abad ke 21 yang sentiasa mempromosikan ateisme di dalam penulisan mereka. Kelompok kedua ialah ateis pragmatis yang mempercayai bahawa alam semesta dan kehidupan boleh berfungsi tanpa ada Tuhan. Walaupun demikian, mereka tetap menjalankan ritual keagamaan kerana mereka percaya bahawa agama tidak harus dimusuhi tetapi harus didekati dan dimanfaatkan .

Dari sudut sejarah, ateisme sememangnya berpegang kepada ideologi humanisme dan sekularisme. Humanisme adalah fahaman yang menekankan peranan akal fikiran, budi pekerti, keintelektualan, martabat manusia dan kemampuannya sendiri atau dengan kata lain, manusia berhak menentukan nasibnya sendiri dengan kekuatan diri sendiri (Ali Shari'ati 1980). Justeru itu, terdapat sarjana Barat seperti James R. Ozinga (1987) yang menyifatkan humanisme seperti ateisme yang tidak mempercayai kewujudan tuhan. Begitu juga Karl Marx (1818-1883) yang menyatakan bahawa humanisme diperkenalkan untuk menafikan kewujudan dan kekuasaan tuhan serta akhirnya, ia akan memisahkan manusia daripada agama (Becker 2001). Seterusnya, fahaman sekularisme juga diguna pakai dengan memisahkan urusan agama dan ketuhanan dalam kehidupan seharian. Menurut Mohd. Aizam (2012) sekular boleh menerima anutan agama, tetapi tidak lebih daripada itu. Dalam agama, sekular menggunakan prinsip moral yang liberal bagi memudahkan manusia untuk mencapai matlamat hidupnya. Sekularisme sering menggunakan prinsip rasional

sahaja yang hanya dapat ditanggapi oleh intelektual manusia, maka hampir keseluruhan pemikiran liberalisme berakar umbikan pemikiran rasionalisme dan sekularisme (Mohd. Fikri 2011; JAIS 2014). Ini bermakna juga, gejala ateisme yang mendukung kepada kebebasan tidak beragama dan tidak percaya pada Tuhan secara langsung dan tidak langsung tentunya dibayangi oleh sekularisme dan liberalisme.

Gejala ateisme yang wujud di Malaysia ini berpegang dan berpaksikan kepada hak asasi manusia dan terpengaruh dengan apa yang dipegang oleh negara-negara barat iaitu Universal Declaration of Human Rights (1948). Pada pandangan pendukung pemikiran liberal, manusia berhak untuk menentukan hala tuju kehidupan mereka sendiri dan meyakini keupayaan manusia dengan seluruh akal fikiran dapat memahami segalanya dan mampu menyelesaikan pelbagai aspek yang berkaitan dengan kemanusiaan tanpa perlu merujuk kepada agama dan tuhan (Zulkarnain 1996). Lantaran itu, mereka meyakini bahawa manusia hanya dapat mengembangkan diri dan masyarakatnya melalui kebebasan dan kegiatan rasional, atau dengan kata lain, mereka tidak mempercayai tentang peranan tuhan dalam kehidupan mereka dan sekaligus menolak kewujudan tuhan. Justeru, mereka menggelar diri mereka sendiri sebagai ‘ateis’.

Kewujudan ateisme di Malaysia pada hakikatnya sudah lama, namun ia tidak diketahui secara meluas kerana golongan ini kurang menonjolkan diri. Namun, ia semakin berani menonjol dan berkembang dalam masyarakat kerana didorong oleh beberapa faktor seperti kemunculan dan perkembangan ideologi liberal yang didukung oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan seperti Sisters in Islam (SIS Forum) dan Islamic Renaissance Front (IRF). Tambahan lagi, pertubuhan-pertubuhan ini dilihat hebat untuk mereka jadikan kekuatan kerana mereka berani mengeluarkan beberapa kenyataan dan penulisan yang berunsurkan liberal berkaitan isu-isu agama Islam dan mempertikaikan perlaksanaan undang-undang Islam apabila pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas orang Islam yang melakukan kesalahan jenayah seperti minum arak, khalwat dan berzina. Selain itu, penulisan mereka sering mempertikaikan syariat Allah, hukum-hakam fiyah dengan hujah rasional dan menentang penguatkuasaan undang-undang agama Islam dan fatwa yang telah dikeluarkan dan diwartakan oleh pihak berkuasa kerana menurut mereka ianya telah melanggar kebebasan dan hak asasi manusia dan ketinggalan zaman (JAIS 2014). Hal ini menggambarkan bahawa ateisme juga pada masa yang sama, semakin rancak perkembangannya di Malaysia kerana ia telah disuburkan dan diperkuuhkan dengan fahaman liberalisme yang mana ia telah didukung kuat oleh individu perseorangan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berselindung sebagai pembela hak asasi manusia dan juga memperjuangkan pencerahan agama (Riduan & Ahmad 2009).

DEFINISI ATEISME DAN LIBERALISME

Ateisme berasal daripada Bahasa Inggeris iaitu atheism yang bermaksud kepercayaan kepada ketidakwujudan tuhan atau yakin tuhan tidak wujud (AS Hornby 1995 & 2001). Menurut kalimah atheos, a membawa maksud tidak, manakala theos pula bermaksud tuhan. Menurut istilah pula, ateisme bermaksud yakin bahawa tuhan atau dewa dewi itu tidak ada. Definisi ini sebenarnya dikaitkan dengan masyarakat Yunani pada zaman dahulu yang menggelarkan masyarakat Kristian adalah ateis kerana masyarakat Kristian tidak mempercayai kewujudan dewi-dewi mereka. Begitu juga terhadap masyarakat Yunani yang dianggap ateis oleh masyarakat Kristian kerana masyarakat Yunani juga tidak mempercayai kewujudan tuhan mereka. Ini menggambarkan bahawa ateis itu membawa maksud ‘tidak ada keyakinan akan tuhan yang khusus’ (Bagus. L. 2002).

Ateisme dalam Bahasa Arab pula ialah al-ilhad di mana perkataan lam, ha’ dan dal merujuk kepada pendapat Ibn al-Faris (1989) yang menyatakannya sebagai pandangan yang lurus. Dari segi istilah pula, ilhad merupakan sebuah mazhab yang merupakan fahaman nihilism iaitu menafikan kewujudan Allah SWT sebagai Pencipta alam semesta ini. Justeru, golongan Mulhidun merupakan golongan yang mendakwa bahawa sesuatu ciptaan itu wujud tanpa adanya pencipta (Al-Juhni 1990). Menurut mereka lagi, sesuatu material itu bersifat kekal dan abadi kerana ia adalah penciptaan dan ciptaan pada masa yang sama. Oleh itu, fahaman ateisme ini juga dilihat sebagai satu fahaman yang hampir sama dengan naturalisme falsafah (philosophical naturalism) yang menolak kefahaman tuhan dan alam ghaib kerana bagi mereka, alam ghaib juga termasuk dalam dunia tabi’e (Dawkins 2006; Razif Fuad 2017).

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016), ateis bermaksud orang yang tidak percaya akan adanya tuhan. Kemudian, Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2005) pula menyatakan bahawa ateis ialah orang yang tidak mengakui atau mempercayai kewujudan tuhan. Mark B.Woodhouse (2002) mendefinisikan ateis sebagai orang yang percaya bahawa tuhan tidak ada. Sementara menurut Mortimer J. Adler (2007), ateis adalah orang yang menafikan kewujudan makhluk ghaib, objek kepercayaan agama dan penyembahan di kalangan orang Yahudi, Kristian dan orang Islam, menafikan kewujudan Tuhan yang Maha Esa, yang mencipta dunia daripada tidak ada apa-apa dan mengekalkannya melalui kuasa yang ada pada-Nya. Begitu juga dengan Nawal Sa’dawi dan Hibah (2002) yang menyatakan bahawa ateis adalah orang yang menolak akan adanya Tuhan dan tidak mengakui kebenaran yang ada pada seluruh agama.

Menurut Al-Khawarizmi (2008) di dalam kitab *Mafatih al-Ulum*, ateisme dilihat sebagai satu golongan yang lahir daripada golongan dahiyyun iaitu mereka yang mempercayai sesuatu itu tercipta daripada sesuatu atau dalam sesuatu dan apa yang menghasilkan jisim adalah jauhar dan arad iaitu semua yang wujud di dalam dunia. Penjelasan definisi ini sama dengan apa yang dinyatakan oleh Ibn Hazm (2016), malah beliau memperincikan lagi dengan menyatakan bahawa golongan dahiyyun sentiasa berhujah, sekiranya dunia ada pencipta, pencipta ini pasti akan melakukan sesuatu yang memanfaatkannya, membentulkan sesuatu yang salah yang mana ianya bertindak seperti makhluk-makhluk dunia ini, atau dengan alam semula jadi, yang akan menyebabkan perbuatannya menjadi kekal abadi. Begitu juga Imam al-Ghazali (1972) menyatakan bahawa golongan dahiyyun menolak Allah SWT sebagai Pencipta dan Pentadbir alam ini. Mereka meyakini dunia ini wujud dan kekal abadi tanpa pencipta. Berdasarkan semua pengertian tersebut, dapat dinyatakan dengan jelas bahawa ateisme terbina atas kebebasan sepenuhnya daripada agama dengan menolak kewujudan Tuhan, menolak pengetahuan tentang Tuhan dan kewujudanNya.

Kemudian, perkataan liberalisme didefinisikan sebagai satu kepercayaan dan pegangan segelintir manusia yang yakin bahawa prinsip, pemikiran dan kefahaman agama yang telah difahami dan diamalkan sejak sekian lama perlu diberi nafas baru berasaskan falsafah. Oleh itu, lahirlah pemikir-pemikir baru seperti Leonard Binder dan Charles Kurzman yang bergerak ke arah usaha untuk mensejagatkan pemikiran agamanya dengan nilai tamadun moden. Dengan kata mudahnya, pemikiran liberal adalah aliran pemikiran yang berjuang untuk hak kebebasan bersuara dan juga hak kebebasan beragama (Karim Ali & Roslan 2009; Ahmad Munawar & Zakaria 2019). Liberalisme menurut John Locke ialah hak asasi manusia yang mencakupi hak untuk hidup, hak untuk merdeka dan hak untuk memiliki (Life, Liberty, and Property) (Lukman & Mohd. Nasir 2011). Seterusnya, kesepakatan definisi liberalisme menurut pendapat tokoh-tokoh falsafah pula ialah fahaman yang mendukung kepada kebebasan dan kemerdekaan bagi individu dalam segala aspek kehidupan termasuk politik, ekonomi, sosial dan agama. Liberalisme juga merupakan satu ideologi dan falsafah yang berpegang kepada dasar kebebasan dan kesamaan hak (Budhy Munawar 2010; JAIS 2014). Daripada semua definisi tersebut, jelas kelihatan bahawa nilai yang terbayang pada istilah liberalisme tersebut adalah kebebasan yang mana ia dilihat sebagai prinsip, tujuan, matlamat dan hasil pada kehidupan manusia. Kebebasan tersebut menghasilkan fahaman yang menolak agama dan nilai yang menyebabkan perubahan sosial, ekonomi, politik, budaya dan media massa.

Sebenarnya, liberalisme juga merupakan sebuah ideologi yang disokong oleh beberapa ciri atau fahaman lain seperti humanisme, sekularisme, rasionalisme, feminism, pluralisme dan modenisme. Justeru itu, ia tidaklah menghairankan apabila muncul cantuman istilah seperti ‘idea sekular ideologi liberal’ dan ‘ideologi sekular-liberal’ bagi menerangkan tentang idea pemisahan agama dan dunia. Ini menunjukkan bahawa fahaman-fahaman tersebut saling berkaitan dan saling melengkap. Hal ini juga pernah digambarkan oleh al-Attas (2014) tentang sekularisme yang mencambahkan fahaman liberal pada zaman pencerahan yang berlaku di Barat. Justeru, beberapa ciri utama sekularisme turut dikongsi oleh liberalisme sehingga membentuk keyakinan para pendukung fahaman tersebut, yang mana akhirnya mengakibatkan wujud penolakan kepada agama kerana diyakini ia boleh membawa kepada kemunduran masyarakat.

GEJALA ATEIS MELAYU DI MALAYSIA

Di Malaysia, gerakan kumpulan ateis ini tidaklah begitu menonjol di kalangan orang awam, malah ia hanya dianuti oleh golongan-golongan tertentu sahaja. Kegiatan ateis Melayu hanya sekadar berlaku di laman media sosial dan kumpulan-kumpulan tertentu. Namun pada 3 Ogos 2017, terdapat sekumpulan anak Melayu yang beragama Islam telah berkongsi gambar di Facebook rasmi Atheist Republic yang mana ia menunjukkan bahawa mereka telah menyertai sebuah kelab yang tidak mempercayai kewujudan tuhan, dan ia dikenali sebagai ‘Kelab Atheist Republik Kuala Lumpur’ (The Atheist Republic Consulate of Kuala Lumpur) (<https://www.facebook.com/AtheistRepublic>).

Atheist Republic merupakan nama bagi kumpulan ateis yang menolak kewujudan tuhan. Ia menggunakan laman sesawang facebook sebagai medium berkomunikasi antara satu sama lain. Atheist Republic dijadikan sebagai laman rasmi yang berpangkalan di Kanada yang telah diasaskan oleh seorang lelaki kelahiran Tehran, Iran yang dikenali sebagai Armin Navabi yang berasal daripada keluarga Muslim Liberal. Beliau juga telah menghasilkan sebuah karya berkaitan ateisme iaitu ‘Why there is no God: simple responses to 20 common arguments for the existence of God’ pada tahun 2014. Kumpulan ini telah mempunyai pengikut di laman Facebook melebihi 2 juta orang di seluruh dunia dan setakat ini, ia adalah komuniti ateis yang terbesar di dunia. In disebabkan kerana laman Facebooknya menyediakan pelbagai platform untuk para ateis berkongsi pengalaman, kisah hidup, pendapat, menyuarakan kebimbangan mereka, membincangkan berita terkini mengenai ateisme, sekularisme dan agama daripada perspektif global. Antara platform tersebut ialah Atheist Republic Voicemails, Atheist Republic News, Atheist Republic Discussions, Atheist

Republic in Persian, Atheist Republic Books, Atheist Republic on the news dan lain-lain lagi (<https://www.facebook.com/AtheistRepublic>).



Rajah 1: Perjumpaan Ateis Republik di Kuala Lumpur

Sumber: <https://www.facebook.com/AtheistRepublic>

Gerakan Ateis Republik di Kuala Lumpur ini merupakan hasil perkembangan ateisme pada zaman kini yang dikenali sebagai New Atheist. Terdapat dua prinsip utama ateis yang dipegang oleh mereka antaranya ialah setiap kepercayaan terhadap apa-apa perkara memerlukan bukti untuk diterima oleh seseorang individu. Namun dalam hal keimanan, semestinya seseorang individu itu gagal untuk menunjukkan dia beriman atau tidak, justeru perihal keimanan seringkali dijadikan kritikan. Ini bermakna, ateis menafikan kewujudan tuhan kerana secara rasionalnya, ia kekurangan bukti empirikal (Razif Fuad 2017). Prinsip kedua ialah saintisme iaitu kepercayaan bahawa metodologi dan pendekatan ilmiah dan sains dapat diterapkan untuk segala hal kehidupan. Golongan ateis berpegang bahawa sains merupakan sumber pengetahuan yang benar dan ia dapat menghasilkan pengetahuan yang benar mengenai manusia dan masyarakat (Razif Fuad 2017).

Di samping Atheist Republic, terdapat lagi laman sesawang-laman sesawang lain yang telah dijadikan tempat pengakuan dan perbincangan oleh anak muda-anak muda Melayu yang beragama Islam seperti malaysiamuda.wordpress.com, melayuatheist.blogspot.com, Facebook warung atheist, facebook Mulhid Melayu, Facebook Atheist Malaysia, Facebook Malaysian Atheist Confessions dan lain-lain lagi. Semua komuniti dalam talian ini bergerak aktif dan ia menjadi medan untuk mereka membuat pengakuan secara terbuka bahawa telah menjadi ateis, meraih perlindungan dan meluahkan cabaran hidup sebagai ateis. Mereka juga suka menggelarkan diri sebagai ‘bekas muslim’)ex-muslim(. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat segelintir anak muda Melayu yang menjadi ateis cenderung untuk

menghebahkannya di alam maya, namun tidak di alam realiti seperti di hadapan kedua orang tuanya kerana kemungkinan besar, mereka bimbang dengan penerimaan kedua ibu bapanya yang tentunya akan menghukumnya dan juga bimbang dengan penerimaan masyarakat sekeliling serta sebagainya lagi.

Selain daripada kewujudannya yang semakin disedari oleh rakyat Malaysia, terdapat segelintir golongan ateis ini juga bebas menganggu ketenteraman awam yang mengakibatkan berlakunya kerosakan prinsip kehidupan beragama sekaligus merosakkan kepercayaan umat Islam kepada Tuhan. Serangan yang dibawa oleh golongan ateis ini pula adalah serangan yang berbentuk pemikiran yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan ‘brain wash’ atau dengan istilah ‘thought control’ atau ‘ideological reform’. Mereka sering bertanya berulang kembali tentang hal-hal ketuhanan seperti ‘siapakah Tuhan yang sebenar?’, kalau Tuhan itu wujud, di mana Tuhan tinggal?, siapa yang cipta Tuhan?, kenapa Tuhan tidak tolong orang yang susah, kenapa Tuhan biarkan orang yang hidup dalam kesusahan semakin menderita?’ dan lain-lain lagi. Sebenarnya, soalan-soalan yang diajukan ini kelihatan agak remeh tetapi pada hakikatnya ia kadang-kadang seumpama minyak yang disiramkan ke dalam api supaya menjadi marak, dengan kata lain, sekiranya soalan-soalan sedemikian dibaca oleh orang yang berada dalam keadaan sedih dan kecewa dengan hidup, maka ia telah memandunya untuk terus meninggalkan agama. Antara golongan yang menjadi target utama bagi golongan ateis ini untuk meluaskan fahamannya ialah tidak kira sama ada golongan berpelajaran mahupun golongan yang tidak berpelajaran (Mohd Aizam 2012). Secara khususnya lagi, ia menyasarkannya juga kepada golongan muda yang beragama Islam sekitar umur 15 tahun sehingga 40 tahun. Ini kerana, golongan muda dikatakan mudah menerima dan terpengaruh dengan unsur luar, termasuk juga gejala ateis. Selain itu, golongan muda dikatakan mempunyai naluri ingin mencuba dan mudah memberontak jika sesuatu perkara itu tidak menepati dengan keyakinan mereka serta sentiasa inginkan kebebasan terhadap diri sendiri (Zainal & Mohd. Sha'rani 2004). Hal seperti ini pernah dinyatakan oleh Yusuf al-Qaradhawi (2004) bahawa serangan pemikiran begini memang menyasarkan para pelajar Islam yang terdiri daripada lelaki dan perempuan kerana mereka mudah menerima, terutama mereka yang lahir dan hidup di dunia Islam, namun pemikiran mereka tidak berasaskan Islam. Maka, ia tidaklah menghairankan apabila beliau menggambarkan bahawa dunia Islam telah lama mengalami konflik antara pemikiran Islam, pemikiran sekular dan pemikiran ateis.

Di samping itu, mereka juga menampilkan sikap kurang baik dan agak agresif kepada agama-agama yang ada di Malaysia. Ia ditonjolkan melalui laman sosial Facebook dengan menyerang agama lain termasuk

agama Islam. Ini disebabkan kerana kebanyakan daripada golongan ateis ini terdiri daripada kalangan remaja yang berbangsa Melayu. Oleh itu, agama Islam menjadi medan serangan utama dengan melemparkan kata-kata yang tidak baik. Tindakan ini dikira sebagai serangan ateis terhadap agama (MK Zainal 2017). Kemudian, Asyraf Wajdi iaitu bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu iaitu tahun 2017 berkata bahawa mengikut Perlembagaan, sebarang bentuk penyebaran agama, kepercayaan, doktrin di kalangan orang Islam itu adalah ditegah dan bagi orang bukan Islam pula, kebebasan agama bukan bermakna kebebasan untuk tidak beragama. Justeru, beliau menegaskan bahawa penyebaran ateisme ini juga perlu disiasat di bawah Akta Hasutan (Sinar Harian 2017).



Rajah 2: Serangan Ateis terhadap agama di Facebook

Contoh Rakyat Malaysia Yang Berpegang Kepada Ateisme

Pada hakikatnya, rakyat Malaysia yang berpegang kepada ateisme agak ramai, namun bilangan yang tepat tidak diketahui. Pendapat ‘agak ramai’ itu

berdasarkan tinjauan dalam Facebook dan beberapa laman sesawang lain yang mana terdapat remaja-remaja Melayu yang menzahirkan pegangannya dengan tidak mempercayai tuhan. Contohnya ialah Warung atheist mempunyai keahlian seramai 5000 orang, Malaysian Atheist Confessions mempunyai lebih 2000 ahli, kumpulan Malaysian Atheist, Freethinkers dan Agnostics and Their Friends mempunyai lebih 1900 ahli. Justeru, di bawah ini terdapat beberapa orang Malaysia yang memang mengakui sebagai ateis dan mengaku telah keluar daripada agama yang dianuti sebelum ini.

a) Juli Jalaludin

Juli Jalaludin merupakan seorang wanita yang telah membuat pengakuan bahawa dirinya telah keluar daripada agama Islam. Nama sebenar beliau ialah Juli Sumardiati Binti Mohd Jalaludin yang juga dikenali sebagai Juli Jalaludin, Emilie de Strange dan Celestial Eve. Beliau merupakan anak kelahiran Ketereh, Kelantan. Beliau merupakan seorang pelajar yang pernah menuntut di Maktab Rendah Sains Mara, Kuala Terengganu dan kemudiannya, meneruskan pengajian di Colorado School of Mines, Amerika Syarikat pada tahun 1995 (MK Zainal 2017).

Antara faktor Juli Jalaudin murtad daripada agama Islam dan tidak mempercayai kepada tuhan ialah kerana masa silamnya yang agak menyedihkan. Beliau merupakan mangsa deraan seksual di mana beliau telah dirogol ketika berumur 5 sehingga 10 tahun oleh kawan bapanya sendiri sehingga timbul kebenciannya terhadap agama Islam. Hal tersebut menyebabkan beliau rasa terasing daripada keluarga dan masyarakat (MK Zainal 2017).

Keghairahan Juli Jalaudin dalam menzahirkan pegangannya telah menyebabkan beliau telah menubuahkan ‘Murtads in Pantai Timur’ di facebook. Medium tersebut dijadikan sebagai tempat untuk menghina dan menjeji agama Islam. Tindakan beliau tersebut telah mencetuskan kemarahan di kalangan rakyat Malaysia kerana tindakannya yang menghina Allah dan Nabi di laman sosialnya. Namun begitu, page itu telah dibekukan. Kemudian, beliau telah muncul dengan laman barunya iaitu ‘Murtads in Kelantan’ dan laman barunya itu juga turut dibekukan kerana isi kandungannya yang turut dikecam oleh rakyat Malaysia.



Rajah 3 Murtads in Pantai Timur

Sumber: Facebook

b) Baba J

Baba J merupakan seorang rakyat Malaysia yang juga telah memilih untuk menjadi ateis. Selepas menjadi ateis, beliau telah berpindah keluar negara meninggalkan Malaysia. Beliau merupakan anak kelahiran daripada keluarga yang berbangsa Sikh (MK Zainal 2017).

Baba J telah memilih untuk menjadi ateis kerana beliau sering mempersoalkan hal-hal yang berkaitan dengan Tuhan. Menurutnya, beliau sering diberitahu bahawa semua yang perlu diketahui tentang ketuhanan terkandung di dalam kitab suci. Namun, tiada siapa yang dapat menjawab segala persoalannya seperti "Kalau tuhan adalah pencipta, siapa yang mencipta tuhan pula?". Justeru, beliau telah mula mendidik dirinya secara perlahan-lahan untuk menjadi seorang ateis kerana beliau tidak lagi mempercayai kewujudan tuhan (MK Zainal 2017).

Kesimpulannya, kedua-dua rakyat Malaysia yang telah menjadi ateis tersebut mempunyai faktor yang berbeza dalam persoalan mengapa mereka memilih untuk tidak beragama. Antara faktor Juli Jalaudin menjadi ateis adalah bermula daripada dirinya yang menjadi mangsa deraan seksual. Hal ini menyebabkan beliau berasa amat terasing daripada keluarga dan masyarakat. Kemudian, faktor yang mendorong Baba J untuk menjadi ateis pula apabila jawapan tentang ketuhanan tidak dapat memuaskan hatinya. Hal ini membuatkan beliau tidak yakin dengan agama yang dianuti.

HUBUNGAN ANTARA ATEIS MELAYU DAN IDEOLOGI LIBERAL

Apabila menyentuh mengenai liberal, ia tidak dapat dipisahkan dengan idea sekular yang dapat dilihat daripada sudut fahaman yang melibatkan pengasingan dan pemisahan agama daripada keduniaan. Dalam agama, sekularisme menggunakan beberapa prinsip moral liberal bagi memudahkan manusia untuk mencapai matlamat hidupnya. Justeru, ‘idea sekular ideologi liberal’ seringkali digunakan untuk menggambarkan tentang prinsip rasional yang dapat ditanggapi oleh intelektual manusia dan penolakan kepada agama yang dipercayai membawa kemunduran kepada masyarakat (Mohd. Fikri 2011).

Di negara Barat, semenjak tersebarnya idea sekular dan liberal ianya menjadikan masyarakat barat semakin terpisah jauh dengan asas-asas agama Kristian dan akhirnya wujud pendirian menolak agama yang dikatakan dogmatis dan tidak rasional. Lantaran itu, kebanyakannya daripada mereka menjadi ateis. Masyarakat Barat pada dulunya sentiasa mempertahankan akidah dan agama masing-masing, kini berubah kepada dasar untuk memperhebatkan penyebaran ideologi sekular dan liberalnya. Justeru, melalui globalisasi, benih-benih pemikiran liberal terus menyusup masuk ke dunia Islam dan berkembang cepat supaya agendanya ke arah pembebasan diri daripada ikatan agama dapat dilaksanakan (MAIS 2015). Impaknya, pemikiran ini bukan sahaja menjauhkan seseorang Muslim itu daripada agama, malah terdapat juga segelintir umat Islam menjadi ateis.

Dalam penyebaran fahaman liberal kepada masyarakat Melayu Islam di Malaysia, golongan liberal sememangnya telah membuat satu rancangan yang halus dan teratur. Mereka telah menggunakan pelbagai medium sama ada secara langsung atau tidak langsung (Riduan & Ahmad 2009). Golongan ini amat mudah untuk mempengaruhi pemikiran umat Islam yang lalai dengan ajaran Islam dan leka dengan kehidupan dunia. Medium perkembangan fahaman liberal pada hari ini ialah melalui kemajuan sains dan teknologi moden yang mana ia disebarluaskan pada kadar yang pantas, berulang kali dan tanpa batasan. Oleh itu, dengan adanya perkembangan ini, golongan liberal akan menjadi semakin rancak menyebarkan fahaman tersebut yang diserap terus kepada pemikiran umat Islam melalui pelbagai laman sosial (Karim Ali & Roslan 2009). Hal ini dikenali sebagai usaha pemodenan dan meliberalkan umat Islam oleh golongan liberal. Di samping itu, senario ini dilihat selari dengan perkembangan dunia dan masyarakat Barat dalam bentuk pengubahsuaian pemikiran dan pendekatan modenisme dan liberalisme, maka ia didapati turut mempengaruhi dunia Islam amnya dan Malaysia secara khususnya. Gerakan liberalisme ini juga dikenali sebagai ‘ledakan falsafah liberalisme’

sehingga terjelma nama-nama khusus yang dikaitkan dengan liberalisme seperti liberalisme ekonomi, liberalisme budaya, liberalisme politik dan liberalisme agama (JAIS 2014). Di samping itu, terdapat lagi nama khusus baginya iaitu Islam Liberal yang mana Khalif Muammar (2012) menyifatkannya sebagai fahaman yang bercelaru dalam masyarakat Muslim. Istilah Islam liberal sangat hebat melanda Malaysia yang dikembangkan melalui seminar dan pelbagai wacana ilmu. Namun begitu, perkembangan fahaman liberal yang bercelaru dan mendukung kebebasan yang keterlaluan ini telah mewujudkan senario yang tidak baik kepada masyarakat khususnya umat Islam kerana ia telah menyebabkan masyarakat setempat berpecah dan tidak bersatu padu akibat kekeliruan kefahaman tentang agama Islam yang dianuti. Ia sememangnya telah menggugat akidah umat Islam dan sekaligus mampu merosakkannya.

Golongan liberal sentiasa cuba menyerap pelbagai agenda yang kebanyakannya bertentangan dengan ajaran Islam yang benar ke dalam pemikiran umat Islam. Mereka mahu umat Islam mengikuti sepenuhnya budaya Barat, sama ada yang baik atau buruk, manis atau pahit, suka atau benci, terpuji atau tercela (al-Qaradhawi 2004). Usaha untuk menggugat keimanan umat Islam itu sedikit sebanyak telah menarik segelintir umat Islam jauh daripada ajaran Islam atau dengan bahasa yang mudah sebagaimana yang digelarkan oleh al-Qaradhawi (2004), ia mencabut Islam sampai ke akar umbinya. Dengan jauhnya seseorang individu tersebut terhadap pegangan agama, maka usaha untuk menerapkan fahaman ateisme terhadap individu itu adalah sangat mudah dilakukan oleh golongan ateis. Ini menunjukkan bahawa golongan liberal ini secara langsung dan tidak langsung adalah bertanggungjawab membantu golongan ateis untuk menjayakan misi dakwahnya. Ini bermakna, seseorang individu Muslim itu akan berfikiran liberal dahulu, kemudian lama kelamaan dia tidak mustahil akan menjadi ateis pula.

Di samping itu, elemen utama yang mendasari liberalisme ialah pemikiran bebas tanpa batas dan tidak terikat dengan keautoritian al-Quran, hadis dan ijma' yang mana ia sentiasa melaungkan gagasan untuk mengkaji semula agama, mentafsir semula al-Quran, menilai semula al-Sunnah, menapis semula syariat dan hukum-hukum fekah, malah mendokong usaha untuk meletakkan agama wajar disesuaikan kepada realiti semasa (JAIS 2014). Semua ajaran dalam agama bagi mereka adalah tidak pasti dan mengandungi pelbagai kemungkinan yang tertakluk kepada penerimaan akal dan rasional. Justeru, agenda yang diperjuangkan tersebut dinyatakan sebagai menggali kemurnian dan melakukan pencerahan agama (Mohammad Ariffin t.th; Riduan & Ahmad 2009). Ini bermakna bahawa prinsipnya yang berpegang kepada kebebasan yang tidak terbatas (tidak terikat dengan mana-mana ajaran dan hukum-hakam agama) telah

mendorong secara sedar atau tidak sedar seseorang individu yang berfikiran liberal untuk menolak agama (Abbas 2016; Ahmad Munawar & Zakaria 2019). Dengan kata lain, akibat daripada penerimaan fahaman liberalisme dalam kehidupan, ia sebenarnya telah memangkinkan lahirnya ateisme dalam masyarakat di Malaysia.

Di Malaysia, gerakan atau pertubuhan yang bercorak liberalisme aktif dalam meliberalkan pemikiran umat Islam melalui perjuangan isu-isu dan hak-hak wanita Islam (JAIS 2014). Mereka telah membangkitkan permasalahan-permasalahan undang-undang Syariah dalam hubungan hak-hak wanita dalam Islam seperti krisis perkahwinan, poligami, penceraian dan sebagainya lagi. Mereka berpegang bahawa sumber syariah merupakan hanya undang-undang hasil daripada kerja manusia yang mungkin berasal dari hukum al-Quran dan Hadis. Namun dalam penetapan hukumnya, ia dilihat sebagai hasil-hasil kerja manusia yang bersifat dunia. Justeru, segala hukuman ini dipercayai boleh dikaji semula, dipersoalkan mahupun ditolak dengan sebab-sebab tertentu. Hal ini jelas bahawa gerakan atau pertubuhan yang berfahaman liberalisme ini menggunakan idea-idea yang berbentuk modenisasi dengan mengikut kebebasan akal semata-mata dalam membicarakan hal-hal keagamaan (JAIS 2011 & 2014; Riduan & Ahmad 2009; Abbas 2016). Hakikatnya, kewujudan dan keaktifan pertubuhan-pertubuhan yang mendokong liberalisme dalam menyuarakan tentang mereka kepada isu-isu yang berkaitan dengan undang-undang Islam dan fatwa secara langsung dan tidak langsung juga telah mendorong golongan ateis untuk muncul dalam masyarakat dan memaparkan aktiviti mereka walaupun melalui laman-laman sosial sahaja. Ia telah mempergiatkan aktiviti dan dakwahnya dalam menarik pengikut baru. Secara mudahnya, ia dapat digambarkan bahawa golongan ateis ini tidak merasa bersendirian dalam memperjuangkan arus pemikiran dan pegangan yang berbeza daripada pegangan arus perdana Malaysia, malah ia secara tidak langsung telah mendapat sokongan moral dan motivasi daripada pertubuhan-pertubuhan seperti Sisters in Islam untuk memperjuangkan agendanya yang tersendiri.

Di samping itu, penularan fahaman liberal ini juga yang mudah didapati dilaman-laman sesawang, telah menyebabkan para remaja Melayu Islam khususnya terdedah dengan kebebasan berfikir yang melampaui sehingga mereka terdorong untuk mempersoalkan hal-hal keagamaan dengan sewenang-wenangnya, tanpa merujuk kepada pihak yang berautoriti. Pada lazimnya, mereka akan bertanya ketidakpuasan ini sesama mereka, atau bertanya kepada ahli keluarga yang agak rapat dengan mereka. Sekiranya jawapan yang diperolehi tidak memuaskan hati mereka, maka alternatif lain akan dicari. Selain daripada kebebasan, fahaman liberal ini juga mampu menimbulkan keraguan terhadap kebenaran agama Islam di

kalangan penganut-penganutnya secara khususnya dan para remaja Islam secara umumnya, sehingga akhirnya, pegangan agama dianggap tidak sesuai lagi pada zaman moden ini. Natijahnya, para remaja Melayu Islam tersebut akan bersikap anti-Islam, memusuhi ulama-ulama Islam dan akhirnya menjadi ateis (Riduan & Ahmad 2009).

Kemudian, serangan-serangan yang telah dilakukan oleh golongan ateis terhadap masyarakat Melayu menerangkan bahawa hubungan liberalisme yang mempengaruhi ateis Melayu dapat dilihat daripada segi sumber ilmu pengetahuan yang dipegangnya. Ilmu pengetahuan golongan ateis yang menggunakan ideologi-ideologi liberal memberi kepercayaan sepenuhnya kepada akal atau kebebasan minda dan pembuktian melalui pancaindera sahaja. Golongan ateis ini akan mempengaruhi pemikiran remaja Melayu khususnya tentang hal yang berkaitan dengan agama seperti hal ketuhanan, kenabian, qada' dan qadar di mana ia menuntut kepada pembuktian akal dan pancaindera. Sekiranya mereka gagal, maka idea-idea untuk menolak agama akan diserap secara perlahan-lahan dan akhirnya, ia akan membawa kepada penafian terhadap kebenaran mutlak.

Justeru, ideologi liberal mempunyai hubungan yang rapat dengan ateisme di mana secara langsung dan tidak langsung, ia sememangnya membantu ateisme untuk diterima di kalangan remaja-remaja Melayu khususnya. Ideologi liberal yang mendokong kebebasan tanpa batasan diumpamakan sebagai satu pintu kepada fahaman ateisme untuk masuk dan menghuni hati-hati individu yang berfahaman liberal. Justeru, boleh dikatakan bahawa penularan ideologi liberal di Malaysia telah mengaktifkan juga fahaman ateisme di kalangan masyarakat Malaysia amnya dan Melayu khususnya.

KESIMPULAN

Dalam konteks Malaysia pada hari ini, golongan ateis ini bebas menjalankan aktiviti-aktiviti mereka yang mana ia sememangnya menganggu prinsip kehidupan beragama khususnya kepercayaan umat Islam kepada Allah. Serangan golongan ateis terhadap masyarakat Melayu khususnya menunjukkan bahawa hubungan liberalisme yang mempengaruhi ateis Melayu dapat dilihat daripada segi sumber ilmu pengetahuan yang digunakannya. Golongan ateis menggunakan ideologi-ideologi liberal yang memberikan hujah-hujah yang boleh ditanggapi oleh logik akal dan pancaindera sahaja dan sekaligus ia menolak agama secara terang-terangan. Ini bermakna dalam situasi Malaysia, golongan ateis banyak mendapat bantuan dan dorongan secara langsung dan tidak langsung daripada golongan liberal dalam memperkembangkan fahamannya di kalangan masyarakat Malaysia.

Hakikatnya, fahaman liberal dan gejala ateis ini tidak diperlukan pun di Malaysia. Masyarakat di Malaysia sudah sekian lama melalui norma hidup yang harmoni hasil wujudnya etika dan nilai baik yang terdapat dalam agama-agama yang ada. Bahkan, kedudukan penyebaran ateisme di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan. Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa “sebarang bentuk penyebaran agama, kepercayaan, doktrin di kalangan orang Islam itu adalah ditegah” jelas menyatakan bahawa penyebaran ateisme ini adalah tidak dibenarkan. Merujuk kepada Artikel 11(4) dalam Perlembagaan yang khusus kepada orang Islam menyatakan bahawa: “Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya, Undang-undang Persekutuan boleh mengawal dan menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.” Bagi orang bukan Islam pula, di bawah Artikel 11(1) iaitu: “kebebasan beragama. Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.” Ini bermakna bahawa kebebasan agama itu bukan bermaksud kebebasan daripada tidak beragama.

Dengan adanya Perlembagaan sebagaimana yang tertera di atas dan bertepatan dengan Syariat Islam serta juga selari dengan Rukun Negara yang pertama iaitu kepercayaan kepada Tuhan, maka jelas bahawa penyebaran fahaman ateisme di Malaysia adalah tidak dibenarkan sama sekali kepada semua masyarakat, walaupun terdapat pelbagai justifikasi yang diberikan seperti dakwaan bahawa penolakan kepada agama akan membantu dan mendorong seseorang Muslim untuk bersikap lebih terbuka, maju dan lebih rasional. Nyatanya, kehidupan beragama dijadikan salah satu prinsip dalam pentadbiran negara jangka panjang yang dikenali sebagai Wawasan Induk Negara Sejahtera (WINS 2051).

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Tiada

RUJUKAN

Abbas Mansur Tammam. 2016. Pengaruh Orientalis terhadap Liberalisasi Pemikiran Islam. *Journal Kalimah* 14(1):1-12.

- Ahmad Munawar & Zakaria Stapa. 2019. Liberalisme dan Pemikiran Pemimpin Muslim di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 41(2):39-49.
- Abdul Karim Ali, Mohd Roslan Mohd Nor. 2009. *Islam Liberal Isu Dan Cabaran*. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- Abi Hussain Ahmad bin Faris. 1989. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. T.t: Dar al-Fikr.
- Aziah Tajudin, Mohd. Fazli Tajuid. 2016. *Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2014. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Ali Shari'ati. 1980. *Marxisme and Other Western Fallacies: An Islamic Critique*. Terj. R. Campbell. Berkeley: Mizan Press.
- Anon. 2017. Anak Melayu Ateis Dikecam, Sinar Harian [7 Ogos 2017].
- Anon. 2017. Biadab! Ramai Muslim Murtad Bangga Sertai Kelab Ateis KL. Mynewshub, <https://www.mynewshub.tv/> [17 Ogos 2019].
- Budhy Munawar. 2010. *Argumen Islam untuk Sekularisme*. Indonesia: Grasindo
- Bagus. L. 2002. Kamus Filsafat. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Dawkins,R. 2006. *The God delusion*. London: Bantan Press.
- Djokosantoso. 2004. 8 Langkah Strategis Karier. Indonesia: Elex Media Komputindo
- Al-Ghazali, Abu Hamid. 1972. *Al-Munqid min al-Dalal*. Dar al-Kutub al-Hadithah.
- Hornby, A.S.1995. *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. New York: Oxford University Press.
- Hornby, A.S. 2001. *Oxford Fajar Advanced Leaner's* (English-Malay Dictionary). Terj. Asmah Hj.Omar.Selangor: Penerbit Fajar Baktsi Sdn. Bhd.
- Ibn Hazm, Ali ibn Ahmad. 2016. *Kitab al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Mihal*. United States: Wentworth Press.
- Jabatan Agama Islam Selangor. 2011. Sister In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme Di Malaysia. Selangor: Bahagian Penyelidikan & Pembangunan JAIS.
- Jabatan Agama Islam Selangor. 2014. *Liberalisme & Pluralisme Agama: Hakikat dan Impak*. Selangor: Bahagian Penyelidikan & Pembangunan JAIS.
- Al-Juhni, Mani' bin Hammad.1990. *Al-Mausuah al-Muyassarah fi Adyan wal Madhahib wa al-Ahzab al-Muasirah*. Jil.1. Riyadh: Dar al-Nadwah al-Alamiah.
- Kamus Dewan Bahasa & Pustaka. 2005. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- The Atheist Republic Consulate of Kuala Lumpur. 2017.

- https://www.facebook.com/AtheistRepublic [17 Ogos 2019]
- Khalif Muammar.2012. Pandangan Islam terhadap Tradisi dan Kemodenan. *Jurnal Hadhari* 4(1): 23-48.
- Al-Khawarizmi. 2008. *Mafatih al-Ulum*. Beirut: Dar al-Manahil.
- Lawrence C. Becker. 2001. *Encyclopedia of Ethics*. New York: Routledge
- Lukman & Mohd. Nasir. 2011. Mengenal Pemikiran Islam Liberal. *Jurnal Substantia* 14(1):179-198.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2015. *Pasca Modernisme dan Kelangsungan Islam*. Selangor: MAIS.
- MK Zainal. 2017. Soscili.my <https://soscili.my/3-orang-malaysia-kenapa-jadi-atheist-juli-jalaluddin/> [17 Ogos 2019].
- Mohd Aizam Bin Masod. 2012. *Serangan Ideologi Barat terhadap Pemikiran Umat Islam dan Implikasinya kepada Iman*. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 25: 99-118.
- Mohd. Fikri Che Hussain. 2011. *Awas ancaman orientalis terhadap kita*. Selangor: Grup Buku Karangkraf.
- Mohd Razif Mohamad Fuad. 2017. Menilai Fahaman New Atheism. <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/696-bayan-linnas-siri-ke-107-menilai-fahaman-new-atheism> [17 Ogos 2019].
- Mohammad Ariffin. t.th. *Cabaran Akidah: Islam Liberal*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2004. *Sanggahan Salah Tafsir Islam*. Terj. Abdul Rahman Rukaini. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.
- R.Ozinga, James. 1987. *Communism, the Story of Idea and Implementation*. New Jersey: Prentice Hall Englewood Cliffs.
- Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil. 2009. *Islam Liberal dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Al-Sa'dawi, Nawal & Iat, Hibah Rauf. 2002. *Perempuan Agama dan Moralitas: Antara Nalar Feminis dan Islamic Revivalis*. Terj. Ibn Rusydi. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Woodhouse, Mark B. 2002. *A Preface to Philosophy*. California: Wadsworth Publishing.
- Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad. 2004. *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Zulkarnain Yusuf. 1996. *Gugatan Pemikiran Islam*. Pahang: ITM.

Senarai Pengarang:

Nurul Syahiidah binti Fuad (Penulis Penghubung)
Calon Sarjana
Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi
Selangor.
E-mel: nurulsyeeda9510@gmail.com

Dr. Nozira binti Salleh
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi
Selangor.

Dr. Indriaty binti Ismail
Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bandar Baru Bangi
Selangor.